

23/09/1999

Wawasan baru PM, pengeluar makanan dunia

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutarakan wawasan terbaru untuk menjadikan Malaysia pengeluar makanan selepas negara meneroka industri berasaskan teknologi maklumat menerusi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri berkata, daripada terus menanggung kos import makanan yang besar, Malaysia sebaliknya perlu memanfaatkan sepenuhnya khazanah sumber semula jadi, termasuk melalui industri pertanian, untuk menjana ekonominya.

Bercakap dalam majlis dialog dengan peserta persidangan dan pameran Multimedia Asia (MMA) di Pusat Pameran Antarabangsa di Seri Kembangan di sini hari ini, Dr Mahathir ditanya apakah wawasan barunya selepas MSC.

"Selepas MSC, saya mendapatkan dua wawasan," katanya secara berseloroh, dan kemudian menambah: "Wawasan baru saya untuk Malaysia ialah mahu menjadikan Malaysia sebagai negara pertanian, sebagai pengeluar makanan". Beliau berkata, apabila orang Malaysia mempunyai sebidang tanah, dia hanya boleh memikirkan dua perkara - sama ada menanam getah atau kelapa sawit, walaupun pulangan daripada komoditi itu sebenarnya lebih rendah berbanding sayur atau ternakan ayam.

"Kita tidak menggunakan sepenuhnya tanah kita. Berikutan itu, kita mengimport terlalu banyak makanan. Dengan itu, ia menjejaskan imbalan dagangan.

"Kita juga tidak menggunakan sepenuhnya sumber air apabila negara ini sebenarnya di keliling laut. Dengan terlalu banyak air di sekeliling kita, kita tidak memanfaatkan penggunaan air untuk mengeluarkan ikan," katanya.

Beliau berkata, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar makanan adalah penting untuk terus menggerakkan ekonomi dan membendung pengaliran keluar wang kerana terlalu banyak mengimport bahan itu.

Katanya, wawasan baru mungkin nampak biasa tetapi tidak kurang pentingnya kerana Malaysia sebenarnya tidak perlu mengimport terlalu banyak makanan, kerana ia boleh dihasilkan sendiri oleh rakyatnya.

Dr Mahathir berkata, mengimport terlalu banyak bahan makanan akan membebankan kerajaan terutama dalam keadaan kelembapan ekonomi yang menyebabkan ketidakseimbangan dagangan.

Beliau memberi contoh, Chile di Amerika Latin yang tidak mempunyai industri ikan salmon 20 tahun lalu tetapi kini menjadi pengeksport terbesar ikan berkenaan.

"Di sini, kita mempunyai pelbagai ikan yang boleh dikeluarkan bukan saja untuk kegunaan kita sendiri malah dieksport. Jadi, sekarang kita meninjau semua laut di sekeliling kita," katanya.

"Ketika melawat Sabah baru-baru ini, saya perhatikan banyak teluk yang berpotensi untuk dijadikan kawasan ternakan ikan," katanya.

Mengenai MSC, Dr Mahathir berkata, beliau yakin ia akan berjaya meskipun sesetengah pihak sebelum ini termasuk media asing menjangka projek itu akan gagal.

Katanya, banyak daripada idea ditimbulkan oleh negara ini pada mulanya nampak pelik dan sukar dilaksanakan tetapi ia kemudian terbukti boleh dilakukan termasuk dasar kawalan modal yang dianggap Barat sebagai menongkah arus.

Beliau berkata, MSC adalah ujian terbesar negara dan menggerakkan Malaysia dari sebuah negara pertanian kepada perindustrian terutama elektronik yang menjadi penyumbang terbesar tukaran asing negara.

Malah katanya, pelaksanaan MSC berjalan lancar meskipun negara melalui kegawatan ekonomi sejak lebih dua tahun lalu dan semakin banyak syarikat beroperasi serta mendapat status MSC beroperasi di negara ini.

"Sasaran kita adalah untuk mempunyai 50 syarikat bertaraf dunia beroperasi di dalam MSC menjelang 2003 tetapi kini jumlahnya sudah menjangkau 33, cuma memerlukan 17 lagi untuk memenuhi sasaran berkenaan.

"Malah, rakyat asing (yang terbabit dalam sektor teknologi maklumat) yang melawat negara ini amat kagum dengan MSC. Saya yakin projek MSC akan berjaya dan sudah pasti mendahului beberapa negara lain," katanya.

(END)